Vewodina (Diclofenac Gel BP 1% w/w)

Diclofenac diethylamine 1.16% w/w bersamaan Diclofenac sodium 1% w/w

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Vewodina
2. Bagaimana Vewodina berfungsi
3. Sebelum mengambil Vewodina
4. Cara menggunakan Vewodina
5. Semasa menggunakan Vewodina
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Vewodina
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

Apakah kegunaan Vewodina

Vewodina adalah ubat kegunaan luaran sahaja untuk merawat sakit, radang dan bengkak pada:

- Kecederaan tendon, ligamen, otot dan sendi (cth., terseliuh, lebam, ketegangan dan sakit belakang selepas bersukan atau kemalangan)
- Tendonitis (cth., *Tennis elbow*)
- Arthritis lutut atau jari yang ringan

Bagaimana Vewodina berfungsi

Vewodina mengandungi bahan aktif Diclofenac yang termasuk dalam kumpulan ubat *non-steroidal anti-inflammatory drugs (NSAIDs)*. Ia mengandungi ciri anti-radang dan anti-demam. Ia menghalang bahan kimia *prostaglandin* yang menyebabkan radang. Vewodina dirumus untuk kegunaan luar sahaja.

Sebelum mengambil Vewodina

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan gunakan ubat ini sekiranya anda:

- Alah (hipersensitif) atau menghidapi penyakit asma yang dicetuskan oleh ubat seperti *aspirin* atau *NSAIDs* yang lain.
- Alah (hipersensitif) kepada bahan-bahan lain seperti disenaraikan dalam risalah ini.
- Kurang dari umur 14 tahun.
- Menghidapi penyakit kegagalan jantung.

Mengandung dan menyusukan anak:

Jangan gunakan Vewodina sekiranya anda hamil dalam trimester ketiga. Jika anda hamil dalam trimester pertama atau kedua, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini.

Sekiranya anda sedang menyusukan anak, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini. Gel ini tidak seharunya disapu pada payudara.

-Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengandung atau sedang menyusukan anak.

Ubat ini mengandungi sebuah bahan yang dipanggil *propylene glycol* yang boleh menyebabkan kerengsaan kulit pada sesetengah individu.

Sekiranya anda sedang mengambil ubat NSAIDs yang lain, bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat ini.

Gel ini harus disapu pada bahagian kulit yang tidak rosak, tidak berpenyakit dan tidak berluka. Pastikan gel ini tidak terkena bahagian mata atau bahagian mukosa. Jangan makan gel ini.

Jika anda mengalami ruam yang teruk dan tidak surut, berhenti menggunakan ubat ini dan dapatkan perhatian doktor anda dengan segera.

Jangan gunakan gel ini dengan penutup luka yang kalis udara, penutup luka yang tidak kalis udara disyorkan.

Jika anda pernah menghidapi masalah jantung seperti sakit jantung, kegagalan jantung atau tekanan darah tinggi, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat ini kerana ia boleh memburukkan keadaan anda.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor sekiranya anda mengambil ubat yang lain termasuk yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan. Doktor atau ahli farmasi anda boleh menasihatkan interaksi berpotensi dengan ubat ini.

Cara menggunakan Vewodina

-Berapa banyak harus digunakan

Ikut semua arahan doktor atau ahli farmasi dengan teliti. Arahan mungkin berlainan dari arahan yang ada disini. Jika anda tidak faham arahan dengan jelas, dapatkan bantuan doktor atau ahli farmasi anda.

Gel ini adalah untuk kegunaan luaran sahaja. Jangan makan ubat ini.

Jika keadaan anda tidak bertambah baik selepas rawatan 7 hari, dapatkan nasihat selanjutnya dari doktor atau ahli farmasi anda.

Untuk dewasa dan remaja lebih dari umur 12 tahun: Sapu gel ini pada tempat yang sakit 3-4 kali sehari, gosok gel ini dengan perlahan sehingga meresap. Kuantiti gel digunakan ialah 2-4g (lebih kurang saiz buah ceri sehingga buah *walnut*). Cuci tangan anda selepas gel disapu (tidak perlu jika tempat dirawat ialah tangan)

-Bila perlu digunakan

Gunakan seperti diarahkan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini selama disyorkan doktor atau ahli farmasi anda.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya,

Vewodina (Diclofenac Gel BP 1% w/w)

Diclofenac diethylamine 1.16% w/w bersamaan Diclofenac sodium 1% w/w

abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera

Semasa menggunakan Vewodina

-Perkara yang perlu dilakukan

Gunakan ubat ini seperti diarahkan doktor atau ahli farmasi anda.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Vewodina.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Vewodina kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera:

Ubat ini tidak dijangka mempengaruhi keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Vewodina boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Beberapa kesan sampingan yang dilihat semasa menggunakan ubat ini adalah:

Biasa: Ruam, ekzema, kulit kemerahan, radang kulit, kegatalan kulit.

Tidak biasa: Sakit jantung, kegagalan jantung, denyutan jantung pantas atau tidak sekata dan sakit dada.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my *[Consumers→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]*

Cara penyimpanan dan pelupusan

-Penyimpanan

Simpan pada suhu kurang dari 30°C. Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Gel berwarna putih berkrim, bebas daripada aglomerat.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

  Diclofenac diethylamine 1.16% w/w bersamaan *Diclofenac sodium* 1% w/w

- Bahan tidak aktif

  Carbomer 940, Carbomer, Cetomacrogol 1000, Cetostearyl alcohol BP, Light liquid paraffin BP, Triethanolamine BP, Anhydrous sodium sulphite, Sodium edetate BP, Propylene glycol BP, Isopropyl alcohol BP dan *Purified water BP*

-Nombor MAL

MALXXXXXXXAZ

Pengilang

Mepro Pharmaceuticals Pvt. Ltd., Unit II, Q Road, Phase IV, G.I.D.C., Wadhwan, Surendranagar, Gujarat, 363035, India

Pemegang Pendaftaran Produk

Synercam (M) Sdn. Bhd.
A-17-7, BLOCK A, JAYA ONE, NO. 72A, JALAN PROFESOR DIRAJA UNGKU AZIZ, SEKSYEN 13, 46200 PETALING JAYA MALAYSIA

Tarikh kemaskini RiMUP

31/1/2023

Nombor Siri

NPRA(R2)19/159